

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

11 JANUARI 2021

1. Peniaga maut selepas langgar babi -14 kosmo
2. Apa dah jadi projek NFC?
3. Apa dah jadi projek NFC?

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Bertarung nyawa selama lima hari sebelum meninggal dunia di hospital

Peniaga maut selepas langgar babi

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

ROMPIN – Gara-gara babi melintas jalan, seorang penjual buah-buahan maut kelmarin selepas lima hari bertarung nyawa akibat melanggar haiwan liar itu.

Mangsa, Abnu Hajar Diang Ibrahim, 58, yang mengalami kecederaan parah pada bahagian kepala telah koma beberapa hari selepas kejadian yang berlaku pada 5 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Azari Miskon berkata, kejadian kira-kira pukul 6.30 pagi itu berlaku ketika mangsa dalam perjalanan dari Rompin ke Sepang di sini.

"Setiba di tempat kejadian, mangsa yang menunggang motosikal jenis Honda Dash telah melanggar seekor babi yang tiba-tiba melintas jalan.

"Mangsa kemudian dihantar ke Hospital Rompin untuk menerima rawatan awal sebelum dirujuk ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan," ka-



KEADAAN Abnu Hajar ketika terlibat kemalangan melanggar seekor babi di Rompin pada 5 Januari lalu.

tanya di sini semalam.

Azari bagaimanapun memberitahu, mangsa disahkan meninggal dunia di HTAA pada pukul 5.20 petang kelmarin.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, kejadian berpunca

daripada melanggar seekor babi yang melintas di jalan yang lurus.

"Semasa kejadian cuaca mendung dan jalan basah. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," ujarnya.



ABNU HAJAR dirawat di HTAA sebelum menghembuskan nafas terakhir kelmarin.

FOTO: ASWADI ALIAS

APA DAH JADI PROJEK NFC?

Program fidlot nasional dibuat untuk industri pedaging Malaysia lebih sedekad lalu di Gemas kini didapati terbengkalai

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Gemas

Terbongkarnya isu kartel import daging haram ditukar halal ketika tiba di negara ini turut mengimbau kembali masyarakat mengenai projek berimpak tinggi untuk industri pedaging negara iaitu program fidlot nasional.

Harian Metro meninjau kembali National Feedlot Centre atau Pusat Fidlot

Nasional (NFC atau PFN) yang dibangunkan lebih sedekad lalu di tanah berkeluasan 5,000 ekar (2023.4 hektar) di Gemas, Negeri Sembilan.

Bersandarkan petunjuk peta Google, wartawan, jurukamera video bertolak dari pejabat di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur jam 9 pagi dan tiba di lokasi ditunjukkan peta Google kira-kira dua jam kemudian.

Namun, apa ditemui adalah padang Sekolah Menengah Kebangsaan


RM40j
Diperuntukkan
untuk NFC
di Gemas

(SMK) Gemas sebelum penduduk tempatan memaklumkan NFC terletak bersebelahan Kem Syed Sirajuddin Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu menempuh jarak kira-kira empat kilometer (km) lagi.

Dari jalan raya bertar, kami menemui papan



PINTU gerbang binaan batu sudah lusuh tertera tulisan berukir Pusat Fidlot Nasional.



KEADAAN jalan untuk ke Pusat Fidlot Nasional di Gemas.



tanda Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Gemas, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan di simpang kanan sebelum kem tentera itu dan meneruskan pencarian masuk melalui jalan tanah merah berlopak.

Selepas 4km melalui jalan yang lebih sesuai dilalui untuk lori dan pacuan empat roda itu, tersergam pintu gerbang binaan batu sudah lusuh tertera tulisan berukir namun rosak dan pecah, Pusat Fidlot Nasional.

Tinjauan seterusnya mendapati sebahagian tapak projek yang sudah terbengkalai diliputi semak-samun itu lengkap bertar, mempunyai lampu jalan, Bio Security Area, bekas binaan batu ladang fidlot dan menara tangki Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains).

Malah, terdapat binaan bangunan umpama kuarters kediaman dilengkapi piring Astro dan dewan.

Berdasarkan carian maklumat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), komponen NFC adalah kawasan

penempatan ternakan (kandang dan kemudahan ternakan), kawasan untuk penanaman foder, abatoir kelas A dengan kemudahan pemrosesan daging dan kilang pengeluaran makanan berasaskan hampas isirung palma (PKC) serta Palm Kernel Expeller (PKE).

PKC dan PKE adalah sebagai antara sumber pemakanan berkhasiat dan bermutu tinggi untuk penggemukkan lembu fidlot.

Berdasarkan tinjauan, semua binaan berkenaan sudah mengalami kerosakan teruk termasuk wayar pendawaian yang mungkin dicuri, tingkap dan pintu pecah, malah pagar ladang untuk lembu fidlot juga sudah runtuh.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan meluluskan peruntukan RM80 juta untuk membangunkan Program Fidlot Nasional iaitu RM40 juta untuk NFC di Gemas dan selebihnya bagi pembangunan ladang satelit fidlot di seluruh negara.

Statistik waktu itu mendapati pengeluaran

daging lembu dalam negara masih ditahap rendah dengan Kadar Sara Diri pengeluaran daging lembu dianggarkan hanya 23 peratus pada tahun 2005.

NFC adalah selaras usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menerusi Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara untuk meningkatkan populasi ternakan lembu kepada 1.3 juta ekor dan meningkatkan pengeluaran daging lembu daripada 18 peratus kadar sara diri (SSL) dengan pengeluaran sebanyak 45,000 tan metrik daging pada tahun 2010.

Persoalannya adakah projek NFC untuk sumber pedaging negara ini yang memang cantik di atas kertas cadangan dan sudah melebur (melabur) belanja jutaan ringgit itu perlu diteruskan? Ini terutama apabila timbulnya isu kartel import daging haram tukar halai yang mengusarkan masyarakat Islam di negara ini.

BAHAGIAN dipercayai kuarters kediaman.



KAWASAN yang kelihatan seperti penempatan ternakan.



PUSAT Fidlot Nasional yang dibangunkan lebih sedekad lalu kini terbengkalai.

